

**PENGGUNAAN HURUF YĀ' DALAM SINTAKSIS BAHASA ARAB
DALAM KALANGAN PELAJAR MADRASAH ALSAGOFF
AL-ARABIAH, SINGAPURA.**

ZAUWIAH BINTE ABIDIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

PENGGUNAAN HURUF YĀ' DALAM SINTAKSIS BAHASA ARAB
DALAM KALANGAN PELAJAR MADRASAH ALSAGOFF
AL-ARABIAH, SINGAPURA.

ZAUWIAH BINTE ABIDIN

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat pengaugerahan ijazah
Sarjana Falsafah

Fakulti Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia

MAC 2015

THE USAGE OF THE LETTER YĀ' IN THE ARABIC SYNTAX
AMONG THE STUDENTS OF ALSAGOFF ARAB SCHOOL, SINGAPORE.

ZAUWIAH BINTE ABIDIN

A thesis submitted in fulfilment of the
requirements for the award of the degree of
Master of Philosophy

Faculty of Islamic Civilization
Universiti Teknologi Malaysia

MAC 2015

DEDIKASI

“Teristimewa buat suami tercinta Mohammad Bahrul-Ulum, kau sebagai imam dan pelindung ku, sentiasa berada di saat diperlukan, memberi dorongan, semangat dan sokongan di saat diri ku rapuh. Moga Allah sentiasa memberi kemudahan pada setiap langkahmu.

Buat anak-anak ku, A'ishah, Umar, Ali dan Ammar yang sentiasa menjadi penyejuk mata dan pembakar semangat Umaimah. Moga kalian membesar menjadi anak-anak yang cerdik, soleh dan solehah.

Buat Umi dan Abah ku yang tersayang, anda berdua sentiasa mengiring ku dengan doa kalian. Moga Allah SWT sentiasa merahmati diri Kalian.

Juga buat adik-beradik ku, kalian sentiasa menambah keceriaan suasana hidupku. Moga Allah sentiasa memelihara ukhuwwah ini.

Aamiin Ya Rabbal A'lamiin.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah segala puji-pujian hanya bagi Allah SWT dan selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad s.a.w dengan sabdaNya:

" تعلموا العربية وعلموها الناس "

Yang bermaksud: "Hendaklah kamu belajar bahasa Arab dan hendaklah kamu mengajarnya kepada manusia".

Melalui peluang keemasan ini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya Prof. Madya Dr. Azhar Mohamad atas bimbingannya sepanjang tesis ini disiapkan. Juga buat Dr. Nik Farhan atas ilmu dan nasihat yang bermanfaat yang telah diberikan, Dr. Pabiyah, Dr. Che Radiah dari jabatan bahasa asing UPM dan Puan Salamiah pensyarah dari UKM atas segala pandangan dan perkongsian ilmu yang diberikan.

Selain itu, jutaan penghargaan dan terima kasih buat Madrasah Alsagoff Al-Arabiah, Singapura (MAA) sebagai penaja sepanjang pengajian saya. Juga buat seluruh keluarga MAA, khususnya, Mudir Syed Mustafa Alsagoff yang telah banyak memberi sokongan dengan memberi kelonggaran masa bekerja saya, cikgu Kathijah yang sentiasa memberi kata-kata perangsang, cikgu Suhana, cikgu Salbiah, terutama cikgu Battaria yang banyak membantu dalam membaiki penulisan bahasa Melayu saya.

Juga setinggi-tinggi penghargaan buat teman-teman seperjuangan, khususnya Nurulhuda Mohd Hashim yang tidak jemu memberi tunjuk ajar, berkongsi pengalaman, buah fikiran dan meminjamkan buku-buku rujukan demi untuk menyiapkan tesis ini. Tidak lupa buat cikgu Noorhayati Abdul Hamid yang membantu dalam semakan dan terjemahan bahasa Inggeris. Ribuan terima kasih kepada sesiapa jua yang terlibat dalam menyiapkan tesis ini.

Semoga segala jasa baik dan pertolongan yang dihulurkan mendapat ganjaran sebaik-baiknya dari Allah SWT dan moga kajian ini dapat dimanfaatkan hendaknya, Insyallah.

ABSTRAK

Huruf Yā' (ي) merupakan salah satu huruf *hijaiyyah* dalam bahasa Arab yang mempunyai pelbagai fungsi. Namun, kebanyakan pelajar hanya memahami satu fungsi Yā' sahaja iaitu sebagai ضمير (kata ganti nama) kepada أنا yang bermaksud 'saya'. Objektif kajian ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti tahap kemahiran pelajar dalam membezakan fungsi Yā', mengenal pasti ketepatan penggunaan Yā' dalam struktur ayat, serta menganalisis kemampuan pelajar menghubungkan fungsi huruf Yā' dengan *i'rab*. Kajian ini menggunakan metode kualitatif melalui instrumen temu bual yang tidak berstruktur berdasarkan ujian bertulis terhadap lapan orang pelajar Madrasah Alsagoff Al-Arabiah dari peringkat primari lima hingga menengah tiga. Data diproses secara manual berpandukan kerangka teori revisi Taksonomi Bloom (2001). Dapatan kajian menunjukkan kemahiran responden dalam membezakan kepelbagaian huruf Yā' dari sudut sintaksis adalah lemah. Hal ini menyebabkan mereka perlu menambah elemen lain antaranya morfologi, semantik, dan logik struktur ayat sebagai sokongan bagi memahami fungsi huruf tersebut. Seterusnya, dapatan juga menunjukkan responden menghadapi kesukaran meletakkan fungsi huruf Yā' pada struktur ayat kerana kebanyakan mereka berada pada tahap 'mengingat' dan 'memahami'. Kajian juga mendapati aras kognitif pelajar yang rendah mengakibatkan mereka tidak mahir mengaitkan topik pembelajaran yang lepas dengan yang baharu. Justeru, mereka sukar menilai dan menghuraikannya sama ada huruf Yā' berada pada satu perkataan atau dipisahkan yang bererti gantinama 'saya', iaitu 'أنا'. Kajian juga menunjukkan kemampuan responden menghubungkan fungsi huruf Yā' dengan *i'rab* hanya tercapai jika mereka dapat menguasai tahap 'menganalisis'. Pada tahap inilah mereka mampu membeza, menentu dan mengaitkan pelbagai fungsi huruf Yā'. Di akhir kajian ini, sebuah model pembelajaran huruf Yā' dihasilkan yang bertujuan untuk memudahkan penggunaan, meningkatkan kefahaman, dan mengelakkan kekeliruan pada penggunaan huruf Yā'.

ABSTRACT

The letter Yā' (ي) is one of the basic letters in the Arabic language serving multiple functions. However, many students understand only one of its roles, that is as a ضمير (pronoun) attributing it to (أنا) which means 'I'. The objective of this study is to determine the level of the students' skills in distinguishing the various functions of Yā', to identify the appropriate usage of Yā' in a sentence structure as well as to analyse the students' ability to relate Yā's function to *i'rab*. A qualitative method was applied in this study using the instrument of unstructured interviews based on written tests of eight students from Alsagoff Arab School, ranging from primary five to secondary three. Data collected was processed manually guided by a theoretical framework of the revised Bloom's Taxonomy (2001). Results showed that the respondents lack the skills to differentiate the diverse roles of letter Yā' syntactically. This forced them to include other elements such as morphology, semantics and logics of the sentence structure to help them understand the functions of the letter. Next, findings also showed that the respondents faced difficulties in applying the functions of the letter Yā' in a sentence structure as most of them are only at the stages of 'remembering' and 'understanding'. The study also found that low cognitive levels of the students caused them to be incompetent at relating previously learned topics to the current ones. Thus, it was difficult for them to assess and explain whether the letter Yā' is part of the word itself or is separated, functioning as the pronoun 'I' which means 'أنا'. Finally, the study shows that the respondents' proficiency to relate Yā's function to *i'rab* could only be achieved if they could master the process of 'analysing'. At this stage they would then be able to distinguish, determine and correlate the diverse functions of letter Yā'. At the end of the study, a learning model of the letter Yā' was produced, with the aim to facilitate usage, enhance understanding and avoid confusion on the usage of letter Yā'.

KANDUNGAN

BAB	TAJUK	HALAMAN
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN PERKATAAN	xiv
	SENARAI TRANSLITERASI HURUF KONSONAN & VOKAL ARAB	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
1	Pengenalan	1
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	3
	1.3 Penyataan Masalah	5
	1.4 Persoalan Kajian	7
	1.5 Objektif Kajian	7
	1.6 Kerangka Teori Kajian	8
	1.7 Kepentingan Kajian	10
	1.8 Skop Batasan Kajian	10
	1.8.1 Lokasi Kajian	11
	1.8.2 Responden Kajian	11

1.8.3	Silibus	11
1.9	Definisi Istilah	12
1.9.1	Penggunaan	12
1.9.2	Huruf Yā'	12
1.9.3	Sintaksis Bahasa Arab	13
1.9.4	Pelajar Madrasah	14
1.10	Kesimpulan	14
2	KAJIAN LITERATUR	15
2.1	Pendahuluan	15
2.2	Sintaksis	15
2.2.1	Definisi Sintaksis	16
2.2.2	Kepentingan Mempelajari Sintaksis	16
2.2.3	Masalah Dalam Pembelajaran Sintaksis Arab	18
2.3	Huruf Yā' Dalam Linguistik Arab	21
2.3.1	Huruf Yā' dalam Sintaksis Arab	23
2.3.2	Huruf Yā' dalam Fonetik Arab	23
2.3.3	Huruf Yā' dalam Morfologi Arab	25
2.4	Huruf Yā' Dalam Sistem <i>I'rab</i>	26
2.4.1	Sintaksis	26
2.4.2	Morfologi	27
2.4.3	Fonetik	27
2.5	Teori Kognitif	29
2.5.1	Teori Perkembangan Kognitif	29
2.5.2	Teori Pembelajaran Revisi Taksonomi Bloom (2001)	30
2.6	Sejarah Madrasah Alsagoff Al-Arabiah (MAA)	35
2.6.1	Pengasas MAA	35
2.6.2	Bangunan MAA	36
2.6.3	Pendidikan MAA	37
2.6.4	Silibus Peringkat Rendah MAA	39
2.7	Perbincangan dari Sorotan Kajian	43

2.8	Kesimpulan	45
3	METODOLOGI KAJIAN	46
3.1	Pendahuluan	46
3.2	Reka Bentuk Kajian	46
3.2.1	Kaedah Kajian	47
3.2.2	Instrumen Kajian	47
3.2.3	Sampel Kajian	48
3.2.4	Lokasi Kajian	50
3.2.5	Skop Kajian	50
3.3	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	52
3.3.1	Kesahan Item Ujian Bertulis	52
3.3.1.1	Kerangka Teori	54
3.3.1.2	Pemilihan Huruf Yā'	54
3.3.1.3	Kekerapan Fungsi Huruf Yā' di Dalam Soalan Ujian	56
3.3.1.4	Penyaringan Item Ujian Bertulis	57
3.3.2	Kajian Rintis	58
3.4	Tatacara Pengumpulan Data	61
3.4.1	Prosedur Sebelum Kajian	61
3.4.2	Prosedur Semasa Kajian	63
3.4.3	Prosedur Selepas Kajian	64
3.5	Prosedur Analisis Data	65
3.5.1	Transkripsi	66
3.5.2	Pengekoden	67
3.5.3	Pengkategorian	68
3.6	Kesimpulan	69
4	DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	70
4.1	Pendahuluan	70
4.2	Dapatan Kajian	70

4.2.1	Objektif Pertama: Mengetahui Kemahiran Pelajar Dalam Membezakan Kepelbagaian Fungsi Huruf Yā'	71
4.2.1.1	Tahap 'Memahami'	72
4.2.1.2	Aras Pertama: Mengingat	76
4.2.1.3	Aras Ketiga: Mengaplikasi	81
4.2.2	Objektif Kedua : Mengenal Pasti Ketepatan Pelajar Menggunakan Huruf Yā' Dalam Struktur Ayat	86
4.2.2.1	Tahap 'Mengaplikasi'	88
4.2.2.2	Aras 'Menganalisis'	91
4.2.2.3	Aras 'Memahami'	92
4.2.2.4	Aras 'Mengingat'	94
4.2.3	Objektif Ketiga: Menganalisis Kemampuan Pelajar Dalam Menghubungjaln Fungsi Huruf Yā' Dengan <i>I'rab</i>	96
4.2.3.1	Tahap 'Menganalisis'	98
4.2.3.2	Aras 'Mengingat'	100
4.2.3.3	Tahap 'Memahami'	103
4.3	Dapatan Sisipan	104
4.4	Kesimpulan	106
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	107
5.1	Pendahuluan	107
5.2	Rumusan	107
5.2.1	Model Pembelajaran Huruf Yā'	112
5.3	Cadangan	114
5.3.1	Cadangan Kepada Penambahbaikan Dalam Pembelajaran Ilmu Sintaksis	114
5.3.2	Cadangan Kepada Kajian Lanjutan	117
5.4	Kesimpulan	118
	RUJUKAN	119
	Lampiran A - Q	126 - 160

SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK	HALAMAN
2.1:	Bunyi-Bunyi Asas Huruf Yā'	22
2.2:	Huruf Yā' Membawa Makna Keseluruhan Perkataan	24
2.3:	Huruf Yā' Yang Membawa Hukum kaedah Sintaksis Pada Keseluruhan Perkataan	24
2.4:	Huruf Yā' Dalam Sintaksis Dan Kaitannya Dalam Morfologi	25
2.5:	Kaitan Huruf Yā' Dengan Morfologi dan Sistem <i>I'rab</i>	27
2.6:	Kaitan Huruf Yā' Dengan Fonetik Dan Sistem <i>I'rab</i>	28
2.7:	Tahap Perkembangan Kognitif	29
2.8:	Silibus Sintaksis Peringkat Rendah MAA	40
2.9:	Silibus Sintaksis Huruf Yā' di Darjah 5	41
2.10:	Silibus Sintaksis Huruf Yā' Peringkat Menengah	42
2.11:	Huruf Yā' di Dalam Tajuk Morfologi	42
3.1:	Contoh Senarai Kedatangan Pelajar	48
3.2:	Sampel Kajian	49
3.3:	Senarai Kajian Huruf Yā'	51
3.4:	Empat Dimensi Proses Kognitif Dengan Dua Dimensi Pengetahuan Dalam Pembelajaran Sintaksis	53
3.5:	Kekerapan Huruf Yā' Yang Digunakan	56

3.6:	22 Item Soalan Awal Yang Direka Dan Petunjuk Soalan- Soalan Yang Dikeluarkan	60
3.7:	Gerak Kerja Pengumpulan Data	62
4.1:	Kekerapan Jawapan Responden Terhadap Jenis Huruf Yā' Pada Objektif 1	71
4.2:	Kekerapan Jawapan Responden Terhadap Jenis Huruf Yā' Pada Objektif 2	87
4.3:	Kekerapan Jawapan Responden Terhadap Jenis Huruf Yā' Pada Objektif 3	97

SENARAI RAJAH

RAJAH	TAJUK	HALAMAN
1.1:	Kerangka Teori Revisi Taksonomi Bloom (2001) Empat Aras	8
1.2:	Kerangka Teori Kajian Dengan Teori Perkembangan Jean Piaget (1974) Dan Teori Revisi Taksonomi Bloom (2001)	9
2.1:	Tempat Keluar Huruf Yā'	22
2.2:	Hierarki Revisi Taksonomi Bloom (2001)	30
3.1:	Kerangka Teori Yang Digunakan Dalam Mereka Kertas Ujian Dan Pemandangan Data	53
3.2:	Analisis Jenis Template	65
3.3:	Lingkaran Kutipan Pertama Data Kualitatif (Melalui Temu Bual dan Nota Lapangan)	66
4.1:	Dapatan Variasi Data Bagi Objektif Pertama Dengan Kerangka Teori 'Memahami'	72
4.2:	Aspek Yang Digunakan Oleh Responden Dalam Membezakan Fungsi Huruf Yā' Pada Tahap 'Memahami'	72
4.3:	Tahap Mengingat Yang Digunakan Dalam Membezakan Fungsi Huruf Yā'	77
4.4:	Tahap Mengaplikasi Yang Digunakan Dalam Membezakan Fungsi Huruf Yā'	82
4.5	Dapatan Variasi Data Bagi Objektif Kedua Dengan Kerangka Teori 'Mengaplikasi'	87
4.6:	Objektif Kedua Tahap 'Mengaplikasi'	88
4.7:	Dapatan Variasi Data Bagi Objektif Ketiga Dengan Kerangka Teori 'Menganalisis'	98

SENARAI SINGKATAN PERKATAAN

B	-	Bloom (teori revisi Bloom)
P	-	Pengkaji
R	-	Responden
S	-	Soalan Ujian
BA	-	Bahasa Arab
BI	-	Bahasa Inggeris
BM	-	Bahasa Melayu
VR	-	Video (rakaman suara) Responden
SWT	-	SubhanalAllah Wa Taa'la
MAA	-	Madrasah Alsagoff Al-Arabiah
MUIS	-	Majlis Ugama Islam Singapura
PSLE	-	Primary School Leaving Examination

SENARAI TRANSLITERASI HURUF KONSONAN

Haruf Arab	Huruf Rumi	Haruf Arab	Huruf Rumi
ء ، ا	'A	ض	Ḍ
ب	B	ط	Ṭ
ت	T	ظ	Ẓ
ث	Th	ع	‘
ج	J	غ	Gh
ح	Ḥ	ف	F
خ	Kh	ق	Q
د	D	ك	K
ذ	Dh	ل	L
ر	R	م	M
ز	Z	ن	N
س	S	ه	H
ش	Sh	و	W
ص	Ṣ	ي	Y

SENARAI TRANSLITERASI HURUF VOKAL ARAB

Panjang		Pendek		Diftong	
Arab	Rumi	Arab	Rumi	Arab	Rumi
ا	ā	ا	a	أَوْ	aw
اَوْ	ū	اِ	u	أَيَّ	ay
إِي	ī	ا	i		

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	HALAMAN
A	Bangunan Madrasah Alsagoff Al-Arabiah	126
B	Soalan Ujian Bertulis	127
C	Ringkasan Spesifikasi Soalan Ujian	130
D	Surat Mohon Pengesahan Kategori Penggunaan Huruf Yā' Dalam Kertas Ujian Untuk Kajian Kualitatif (I)	131
E	Surat Mohon Pengesahan Kategori Penggunaan Huruf Yā' Dalam Kertas Ujian Untuk Kajian Kualitatif (II)	132
F	Surat Pengesahan Kategori Penggunaan Huruf Yā' Dalam Kertas Ujian Untuk Kajian Kualitatif (I)	133
G	Surat Pengesahan Kategori Penggunaan Huruf Yā' Dalam Kertas Ujian Untuk Kajian Kualitatif (II)	134
H	Surat Mohon Keizinan Dari Pihak Madrasah	135
I	Surat Keizinan Dari Pihak Madrasah	136
J	Borang Senarai Semakan	137
K	Borang Analisis Awal Ujian Bertulis Kesemua Responden	138
L	Contoh Transkripsi Data Temu Bual	139
M	Surat Mohon Pengesahan Transkrip dan Data Temu Bual Untuk Kajian Kualitatif (I)	144
N	Surat Mohon Pengesahan Transkrip dan Data Temu Bual Untuk Kajian Kualitatif (II)	145

O	Borang pengesahan Transkrip dan Data Temu Bual Untuk Kajian Kualitatif	146
P	Surat Pengesahan Transkrip dan Data Temu Bual Untuk Kajian Kualitatif (I)	159
Q	Surat Pengesahan Transkrip dan Data Temu Bual Untuk Kajian Kualitatif (II)	160

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Menurut Kamus Dewan edisi empat (2005), bahasa bermaksud sistem lambang bunyi suara yang dipakai sebagai alat perhubungan dalam lingkungan satu kelompok manusia, antara seorang individu dengan individu yang lain.

Menurut Gorys Keraf dalam bukunya Komposisi (1984), bahasa adalah alat komunikasi antara anggota masyarakat berupa simbol bunyi yang dihasilkan oleh alat ucap manusia.

Ia juga merupakan alat komunikasi paling utama sesuatu bangsa yang berperanan untuk saling berinteraksi, memahami, melahirkan perasaan, menyampaikan ilmu dari satu generasi kepada generasi yang lain sehingga ia mampu membentuk satu peradaban yang agung (Che Harison, 2002).

Pelbagai bahasa dituturkan oleh manusia mengikut bangsa masyarakat sesebuah kaum. Bahasa Arab merupakan bahasa yang dituturkan oleh lebih daripada 280 juta orang sebagai bahasa pertama. Bahasa Arab sering dikaitkan dengan agama Islam kerana ia merupakan bahasa al-Quran sehingga orang yang menguasai bahasa Arab dipercayai

mempunyai pengetahuan agama yang lebih baik. Faktor inilah yang mendorong mereka yang bukan penutur bahasa Arab untuk mempelajari bahasa ini agar lebih memahami agama Islam dan al-Quran itu sendiri (Nik Farhan dan Siti Khadijah, 2001).

Menurut Hussin (1994), keaslian bahasa Arab terpelihara dengan adanya al-Quran hingga ke hari ini. Di dalam al-Quran Allah telah menyebut khususnya bahasa ini sebanyak lapan kali, antaranya di dalam surah *al-Syua'ra'* (26:192-195):

وَإِنَّهُ لَتَنْزِيلُ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٩٢﴾ نَزَلَ بِهِ الرُّوحُ الْأَمِينُ ﴿١٩٣﴾
عَلَى قَلْبِكَ لِتَكُونَ مِنَ الْمُنذِرِينَ ﴿١٩٤﴾ بِلِسَانٍ عَرَبِيٍّ مُبِينٍ ﴿١٩٥﴾

Maksudnya: “Dan sesungguhnya al-Quran ini adalah wahyu diturunkan oleh Tuhan semesta alam, turun dibawa oleh roh yang dipercayai kepada hati engkau supaya engkau dapat memberi pengertian dalam bahasa Arab yang terang”.

Bahasa Arab mempunyai cabang ilmu yang sangat luas dan tatabahasa yang unik. Pelbagai ilmu dalam bahasa Arab dapat dipelajari melalui al-Quran itu sendiri. Bidang ilmu sintaksis Arab merupakan salah satu ilmu yang amat mendalam dan meluas kerana ia berkait rapat dengan kitab suci al-Quran. (Suhaila *et al.*, 2012).

Menurut Ibn Khaldun dalam *Muqaddimah*, ilmu sintaksis merupakan cabang utama dalam mempelajari bahasa Arab dan salah satu dari empat rukun yang amat penting untuk memahami al-Quran, Sunnah dan hukum-hukum Syari'ah. Justeru, kegagalan menguasai ilmu ini mampu menjejaskan pemahaman seseorang walaupun hanya sepotong ayat.

Yang demikian, boleh disimpulkan bahawa ilmu sintaksis ini merupakan ilmu yang amat penting dalam menentukan maksud makna pada ayat-ayat al-Quran dan bahasa Arab yang dituturkan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Sintaksis Arab merupakan satu cabang ilmu yang amat mendalam dan meluas. Ia telah disusun pada zaman Muawiyah bin Abi Sufian semasa pemerintahan Ziyad bin Abihi oleh Abu Aswad al-Duali. Penyusunan tersebut berlaku kerana kebimbangan terhadap fenomena ketidaktepatan dan kesilapan bacaan al-Quran dari sudut baris dan sebutan dalam kalangan orang *Ajam* yang tidak menguasai bahasa Arab sepenuhnya. Oleh kerana kesilapan dalam membaca al-Quran boleh menyebabkan perubahan makna dan pemahaman, maka usaha yang dilakukan pada masa tersebut adalah satu tindakan yang wajar dan bijak (Kamarul Shukri, 2010).

Al-Quran yang dibaca pada zaman dahulu sehingga sekarang dan akan datang tetap sama dan terpelihara tulisannya dalam bahasa Arab. Maka mengetahui bahasa Arab merupakan satu tuntutan dalam memahami isi kandungan al-Quran sedangkan mempelajari dan mendalaminya bukanlah satu perkara yang mudah. Maka tidak hairanlah jika penutur bahasa Arab juga mempunyai kesukaran dalam memahami bahasa ini terutama dalam sintaksis (dapatkan awal melalui temu bual bersama guru Bahasa Arab di Madrasah Alsagoff Al-Arabiah mengenai keluhan seorang pelajar Saudi yang menuntut di Madrasah tersebut).

Di Singapura, pembelajaran bahasa Arab telah dipelopori oleh Madrasah Alsagoff Al-Arabiah. Ia merupakan sebuah institusi madrasah tunggal di Singapura yang mengekalkan perkataan 'Al-Arabiah' pada akhir nama rasminya bagi menunjukkan

kesungguhan memelihara penguasaan bahasa Arab. Buktinya, semua subjek agama yang ditawarkan seperti Tauhid, Fiqh, Akhlak, Sirah, Tajwid dan al-Quran menggunakan medium bahasa Arab. Walau bagaimanapun, ia bukanlah suatu perkara mudah kerana secara praktikalnya, bahasa Arab tidak dipraktikkan penggunaannya dalam kehidupan seharian.

Lanjutan daripada kesungguhan tersebut, pendedahan awal yang diperkenalkan kepada pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab asas sudah bermula seawal darjah satu malah pembelajaran huruf Yā' yang bermaksud "saya *أنا*" telah diajar kepada pelajar peringkat tersebut. Manakala subjek sintaksis Arab pula bermula pada peringkat darjah empat. Walau bagaimanapun ia tetap dianggap sebagai bahasa asing kerana penggunaan bahasa di Singapura lebih tertumpu pada bahasa Inggeris.

Tambahan lagi, komponen dan silibus bahasa Arab, sintaksis dan morfologi diajar secara berasingan oleh guru yang berlainan sedangkan ketiga-tiga subjek tersebut mempunyai kaitan antara satu sama lain. Sebagai contoh, silibus dalam subjek morfologi juga mempunyai unsur pembelajaran huruf Yā' seperti contoh *اكتبني* (*uktubī*) (Yā' di hujung perkataannya) namun ia tidak membawa sebarang makna bermaksud 'saya'.

Selain itu, satu tinjauan awal secara rawak telah dilakukan ke atas beberapa kumpulan tenaga pengajar bahasa dan sintaksis Arab di Singapura melalui aplikasi telefon bijak *whatsapp*. Soalan yang dikemukakan berkisar pada pengalaman mereka terhadap respon pelajar jika ditanya tentang fungsi huruf Yā'. Hasilnya, menurut mereka majoriti pelajar memahami fungsi huruf Yā' terhad sebagai *ضمير* (kata ganti nama) pada *أنا* yang bermaksud 'saya'. Justeru, kemahiran berfikir amat diperlukan dalam pembelajaran bahasa dan tidak semua manusia berkeupayaan dalam kemahiran berfikir yang baik. Tambahan pula kerana kemahiran tersebut perlu dilatih, diajar dan diasah. Sehubungan itu cara latihan yang terbaik adalah melalui sistem pendidikan (Kamsiah, 2002).

Pembelajaran adalah suatu proses kognitif untuk menghubungkan perkara-perkara dalam persekitarannya dan teori kognitif ini merupakan salah satu disiplin ilmu yang penting kerana ia memberi fokus pada proses, struktur dan fungsi mental. Hal ini kerana sebahagian besar tingkah laku dan emosi manusia adalah bergantung kepada bagaimana cara manusia berfikir mengenai sesuatu. Aliran kognitif menyatakan minda manusia berfungsi mempengaruhi tingkah laku mereka (Ma'rof dan Haslinda, 2002). Secara mudah ini beerti pelajar yang kurang kemahiran dalam menggunakan kebolehan kognitifnya akan menghadapi masalah dalam memahami fungsi Yā' yang pelbagai.

Berdasarkan rentetan kekurangan dalam pembelajaran dan pemahaman terhadap subjek sintaksis Arab, maka penambahbaikan dan pengubahsuaian dari beberapa aspek perlu diberi perhatian. Justeru, keperluan melalui sudut kognitif pembelajaran pelajar perlu diterokai untuk mengetahui sejauh mana kemahiran pelajar dalam membezakan sesuatu, mengenal pasti serta menganalisis pembelajaran. Hal ini kerana hasil pemikiran pelajar bergantung pada proses mental dalaman mereka dan setiap manusia dikurniakan minda untuk berfikir dan sudah sewajarnya mereka menggunakannya semaksimum mungkin (Azizi *et al*, 2012).

1.3 Penyataan Masalah

Hasil daripada beberapa tinjauan, pengkaji dapat merumuskan bahawa dapatan awal berkaitan huruf Yā' yang berkisar pada masalah kekeliruan dalam kalangan pelajar mengenai fungsinya yang terhad pada ganti nama 'saya' sahaja. Ia boleh membawa kepada salah faham pada makna sesuatu perkataan. Ini terbukti daripada hasil tinjauan rawak yang dilakukan semasa temubual bersama beberapa kumpulan guru Bahasa Arab.

Sekumpulan guru bahasa Arab yang berpendapat sebilangan besar pelajar beranggapan fungsi *Yā'* hanya terhad sebagai ganti nama 'saya'. Senario ini adalah satu dapatan yang membimbangkan kerana boleh menyebabkan perubahan makna dan pemahaman. Selain itu, fenomena ini juga dikhuatiri akan mengulang kembali peristiwa yang pernah berlaku pada zaman Muawiyah dahulu.

Seterusnya, tinjauan terhadap silibus sintaksis didapati disusun mengikut topik secara berasingan. Sebagai contoh, silibus di Madrasah Alsagoff Al-Arabiah yang bertajuk *ism manqūṣ (alqāḍī- القاضي)* diajar berasingan dengan tajuk *Yā' mutakallīm (qāḍī- قاضي)*. Ini menjadikan ia kelihatan seperti satu perkara yang tidak berkaitan. Oleh itu, kekeliruan mungkin berlaku apabila perkataan tersebut berada dalam struktur ayat mahupun *i'rab* kerana penggunaan antara dua perkataan tersebut berakhir dengan huruf *Yā'*.

Begitu juga dengan komponen subjek dan peperiksaan bahasa Arab, sintaksis dan morfologi diajar dan diuji secara berasingan. Akibatnya, pelajar kurang menyedari kaitan sintaksis Arab sebagai salah satu cabang tatabahasa Arab yang sepatutnya diaplikasikan dalam pembelajaran bahasa Arab dan agama, penulisan mahupun pertuturan.

Kesimpulannya, beberapa tinjauan awal yang telah dijalankan menunjukkan bahawa terdapat pemasalahan berlaku dan ia tertumpu kepada buku dan silibus sintaksis yang sedia ada serta pandangan guru yang melihat kecenderungan pelajar memandangi huruf *Yā'* terhad kepada makna 'saya' sahaja. Oleh itu, kajian ini perlu dilakukan dan diteliti dengan lebih mendalam untuk mengenalpasti aspek pemikiran pelajar dalam pembelajaran sintaksis Arab khususnya yang berkaitan dengan penggunaan huruf *Yā'*.

1.4 Persoalan Kajian

Bagi menjalankan kajian ini, pengkaji mengutarakan beberapa persoalan penting seperti berikut:

1. Adakah responden dapat membezakan fungsi huruf Yā' yang terdapat dalam sintaksis Arab?
2. Adakah responden dapat membina ayat yang tepat berdasarkan perbezaan Yā'?
3. Adakah responden mampu menghubungjalinkan fungsi huruf Yā' dengan *i'rab*?

1.5 Objektif Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, beberapa objektif yang ingin dicapai adalah seperti berikut:

1. Mengetahui kemahiran pelajar dalam membezakan kepelbagaian fungsi Yā'.
2. Mengetahui ketepatan pelajar menggunakan huruf Yā' dalam struktur ayat.
3. Menganalisis kemampuan pelajar dalam menghubungjalinkan fungsi huruf Yā' dengan *i'rab*.


1.6 Kerangka Teori Kajian

Kerangka teori kajian yang dibina dalam kajian ini menekankan pendekatan kognitif. Hal ini kerana pembelajaran merupakan suatu proses yang menekankan hubungan antara rangsangan-rangsangan yang berfungsi dalam pembelajaran seperti mengingat, memahami, mengkategorikan dan menyelesaikan masalah (Suppiah *et al*, 2008).

Ia dilihat sangat bersesuaian dengan kriteria responden yang dipilih kerana pembelajaran yang berlaku pada usia 11 tahun tidak bertentangan dengan tahap perkembangan kognitif seseorang, malah Piaget (1974) berpendapat bahawa tahap kecerdasan yang maksimum dan kemampuan kanak-kanak dalam perkembangan intelek adalah ketika mereka mencapai usia 11 tahun (Suppiah *et al*, 2008).

Seterusnya, teori pembelajaran revisi taksonomi Bloom (2001) digunakan dalam kerangka kajian ini pula kerana kerangka teori tersebut memberi fokus pada proses pembelajaran yang mempunyai enam aras tahap hierarki dari tahap asas iaitu mengingat hingga tahap teratas iaitu mencipta suatu yang baharu.


Walau bagaimanapun hanya tahap satu hingga empat sahaja yang digunakan sebagai instrumen kajian untuk mengukur tahap pembelajaran responden bagi melihat pemasalahan dan penguasaan responden dalam mengenal pasti kepelbagaian fungsi huruf Yā’.



Rajah 1.1: Kerangka Teori Revisi Taksonomi Bloom (2001) Empat Aras

Berdasarkan kerangka rajah 1.1, kutipan data dilakukan melalui temu bual secara formal, diikuti dengan proses transkripsi, pengkodan dan pengkategorian tema. Dapatan dari kerangka tersebut akan melahirkan satu model pembelajaran huruf Yā' yang boleh digunakan oleh pelajar mahupun guru dalam pembelajaran dan pengajaran sintaksis Bahasa Arab.

Ringkasnya, proses yang bakal dilakukan dirumuskan dalam rajah 1.2 seperti berikut:



Rajah 1.2 : Kerangka Teori Kajian Dengan Teori Perkembangan Jean Piaget (1974) Dan Teori Revisi Taksonomi Bloom (2001)

Daripada proses kerangka teori kajian rajah 1.2 di atas, pengkaji telah dapat menghasilkan sebuah model pembelajaran huruf Yā' sebagai merungkai permasalahan yang berlaku sehingga pembelajaran dapat berjalan dengan lebih berkesan dan efektif.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian yang bakal dijalankan ini amat penting kepada dua kelompok berikut:

- (i) Pelajar : Kajian ini dapat membantu pelajar merungkai kekeliruan dalam tajuk-tajuk sintaksis Arab yang mengandungi huruf Yā' (ﻱ) di akhir perkataan serta memahami konsep sebenar yang dapat membantu mereka dalam menguasai topik tersebut.
- (ii) Guru: Dapatan kajian dijangka dapat membantu para guru mengenal pasti bentuk kekeliruan yang dihadapi pelajar dan mempelbagaikan teknik pengajaran sintaksis Arab, khususnya berkaitan fungsi huruf Yā'(ﻱ) .

1.8 Skop Dan Batasan Kajian

Kajian yang baik perlu mempunyai matlamat dan fokus yang jelas. Oleh yang demikian kajian ini akan memberi gambaran jelas tentang lokasi kajian yang dijalankan, responden yang terlibat serta subjek silibus yang digunakan dalam kajian ini.

1.8.1 Lokasi Kajian

Kajian ini dilakukan di Madrasah Alsagoff Al-Arabiah yang bertempat di Singapura. Pemilihan institusi ini kerana ia satu-satunya sekolah di Singapura yang menawarkan subjek sintaksis Arab seawal darjah empat dan pembelajaran bahasa Arab pula seawal peringkat darjah satu dengan 20 jam kredit masa dalam seminggu berbanding lima buah madrasah lain.

1.8.2 Responden Kajian

Kajian ini telah dijalankan ke atas lapan orang pelajar dari darjah enam hingga menengah tiga. Ia bersesuaian dengan tahap silibus yang telah dipelajari dan pengaplikasian dalam penulisan dan pembelajaran.

1.8.3 Silibus

Kajian ini akan memberi fokus pada kalimah atau perkataan Arab yang berakhir dengan huruf *Yā'* (ﻱ) pada silibus darjah lima Madrasah Alsagoff Al-Arabiah dari sudut kepelbagaian fungsi, pembinaan ayat dan *i'rab*.

1.9 Definisi Istilah

Beberapa istilah yang digunakan di dalam kajian ini memerlukan definisi yang terperinci. Oleh itu, berikut disenaraikan beberapa istilah penting yang digunakan di dalam kajian ini.

1.9.1 Penggunaan

Menurut Ensiklopedia Global (2001) dan Kamus Dewan (2005), penggunaan bererti pemakaian iaitu perihal menggunakan sesuatu. Manakala menurut Kamus Bahasa Melayu Nusantara (2003) ia bermaksud, proses iaitu cara menggunakan sesuatu. Di dalam kajian ini ia bermaksud menggunakan huruf Yā' dalam sintaksis bahasa Arab.

1.9.2 Huruf Yā'

Dinukil dari *al-Mu'jam al-Wasīdt* (1996) huruf Yā' adalah huruf hijaiyyah yang ke dua puluh lapan. Huruf Yā' jika berdiri sendiri mempunyai fungsinya tersendiri, iaitu sebagai Yā' *damīr muannathati al-mukhāṭabah* (gantinama perempuan) seperti : 'اضْرِبِي' , 'وَتَضْرِبِينَ وَلَمْ تَضْرِبِي' , Yā' *attathniya* (untuk dua orang) contoh: 'الرَّجُلَيْنِ' dan *jama'* (untuk ramai) seperti : 'المؤمنين' , juga Yā' *mutakallīm* contoh : 'ضربني و غلامي'.

Dalam *Lisān al-Arab* (2010), juga mengatakan sedemikian malah terdapat pelbagai penambahan bagi fungsi huruf Yā', antaranya Yā' *nasab* contoh: 'يَدَوِيّ' - *Yadawiy*, Yā' *taṣghīr* contoh: 'رُجَيْل-رَجُلٌ', *al-Yā' al-muhawwilah* contoh: 'دُعِيّ-قِيل' - *du'ya - qīla* dan lain-lain.

Terdapat juga perkataan Arab yang berakhir dengan huruf Yā' yang tidak membawa sebarang makna kepada huruf tersebut tetapi membawa makna keseluruhan perkataan tersebut seperti huruf Yā' pada contoh: 'الرأي' - *al-ra'y* dan juga dua contoh yang lain seperti 'القاضي' - *al-qaḍī* dan 'يقضي' - *yaqḍī* yang mempunyai hukum kaedah sintaksis pada keseluruhan perkataan tersebut.

Kesimpulannya huruf Yā' dalam kajian ini hanyalah berkisar pada jenis huruf Yā' yang terdapat di dalam silibus peringkat rendah Madrasah Alsagoff Al-Arabiah.

1.9.3 Sintaksis Bahasa Arab

Menurut Kamus Melayu Nusantara (2003), sintaksis adalah cabang linguistik tentang susunan ayat (kalimat) dan bahagian-bahagiannya. Ia juga merupakan ilmu dan kajian mengenai pembentukan frasa dan ayat (Ensiklopedia Global, 2001).

Manakala menurut Kamus Dewan (2005), sintaksis adalah pengetahuan berkenaan susunan kata dan ayat. Dengan kata lain, sintaksis yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah sintaksis bahasa Arab yang mempunyai susunan kaedahnya yang tersendiri.

1.9.4 Pelajar Madrasah

Menurut Kamus Dewan (2005), *Pelajar* bermaksud orang yang belajar seperti murid sekolah, penuntut di maktab dan sebagainya dan juga orang yang mengkaji (menyelidik ilmu).

Manakala *Madrasah* berasal dari perkataan Arab 'مَدْرَسَة' yang beerti tempat belajar. Dengan kata lain madrasah merupakan tempat mempelajari bidang ilmu agama.

Istilah pelajar yang dimaksudkan di dalam kajian ini adalah mengkhususkan pelajar-pelajar di Madrasah Alsagoff Al-Arabiah, Singapura dan istilah '*Madrasah*' di Singapura telah menjadi sesuatu perkataan lazim yang digunakan dan difahami sebagai sebuah sekolah yang menerapkan pembelajaran agama dan bahasa Arab di samping ilmu akademik.

1.10 Kesimpulan

Dalam bab ini pengkaji telah menyatakan beberapa permasalahan berkaitan penggunaan huruf 'Yā' di dalam sintaksis bahasa Arab dalam kalangan pelajar rendah Madrasah Alsagoff Al-Arabiah, Singapura. Melalui persoalan kajian yang dinyatakan, pengkaji telah meletakkan beberapa objektif yang ingin dicapai. Oleh itu dapatan kajian ini nanti diharap dapat menyingkap cara pemikiran pelajar-pelajar dalam penggunaan huruf 'Yā' di samping dapat meningkatkan lagi tahap pemahaman mereka dalam sintaksis bahasa Arab.

RUJUKAN

- Al-Quran dan Terjemahnya. *Al-Quran al-Karim wa Tarjamah Maā'īhi Ila al-lughah al-Indūnsīyyah*.
- Ab. Halim Mohamad. (2011). Satu Kajian Kelayakan Profesional Guru Bahasa Arab di Sekolah Menengah Yayasan Islam Kelantan. *Lingua3*. Universiti Putra Malaysia, Serdang. 15-17.
- Abbās Hasan. (1993). *Al-Nahwu al-Wāfiy*. Juz 1- 4. Cetakan kesebelas. Dār al-Maā'rif.
- Abd. Aziz Musa. (1998). *Pengajaran Nahu Bahasa Arab: Satu Kajian Kes Di Maahad Muhammadi Kota Bharu, Kelantan* (Dissertation M.M.L.S). Universiti Malaya: Fakulti Bahasa dan Linguistik.
- Abdul Qadir Leong Al-Azhari. (2002). *Tajwid Al-Quran Rasm 'Uthmani*. Cetakan keduabelas. Pustaka Salam Sdn. Bhd, Batu Caves, Kuala Lumpur.
- Abdul al-Rahman bin Muhammad bin Khaldun. *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Juz 1. Bairut, Lubnan.
- Abdul Ghani Md. Hassan. (1999). *Kesilapan Membina Ayat Asas Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah*. Ijazah Sarjana Pengajian Bahasa, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Abdullah Al-Amin Al-Na'miy. (1994). *Kaedah dan Teknik Pengajaran Menurut Ibnu Khaldun dan Al-Qabisi*. Cetakan pertama. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Ahmad Redha. (1960). *Mu'jam Matan Al-Lughah- Mausū'h Lughawiyah Hadīthah*. Jilid 5. Dar al-Maktabah al-Hayāh, Bairut.

Ahmad Mokhtar Umar, Mustafa al-Nuhās Zahrān dan Muhammad Hamāsah Abdul Latif. (1994). *Al-nahwu al-Asasiy*. Cetakan keempat. Dar Salāsil, Kuwait.

Atan Long. (1993). *Pedagogi Kaedah AM Mengajar*. Cetakan kedua. Amiza Publishing Sdn. Bhd, Petaling Jaya, Malaysia.

Al-Safir Anṭwān al-Dahdāh. (1999). *Mu'jam al-I'rāb Fī al- Nahw al-'Arabiy*. Cetakan 2, Maktabah Lubenon, Bairut, Lubenon.

Al-Ashqari, Muḥammad Sulaiman Abdullah (2006). *Mu'jam U'lūm al-Lughah al-Arabiah*. Cetakan pertama. Dar An-Nafāis, Aman, Urdun.

Anderson, Lorin W. & Krathwohl, David R. (2001). *A Taxonomy for Learning, Teaching and Assessing: a Revision of Bloom's Taxonomy*. New York. Longman Publishing.

Ashinda Aladdin. (1998). *Kekeliruan Antara Al-Idāfat dan Al-Na'at di Kalangan Pelajar Melayu*. Ijazah Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Azman Che Mat dan Ahmad Nazuki@Marzuki Yaakub. (2010). *Kegunaan Transliterasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab*. Universiti Teknologi MARA (UITM). GEMA Online Journal of Language Studies. Volume 10(2). 24 – 25.

Azizi Yahaya, Noordin Yahaya dan Zurihanmi Zakariya. (2005). *Psikologi Kognitif*. Cetakan kedua. UYM Press, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor, Malaysia.

Bridget & Gregory Robinson-Riegler. (2012). *Cognitive Psychology*. Third Edition. Pearson Education, Inc, Boston.

Charles G. Morris & Albert A. Maisito. (1999). *Understanding Psychology*. Fourth Edition. Prentice Hall, Inc, Upper Saddle River, New Jersey.

Che Harison Saleh. (2002). 'Tahap penguasaan nahu bahasa Arab di kalangan pelajar-pelajar kursus pendidikan Islam UTM- Kajian ke atas pelajar-pelajar tahun dua, tiga dan empat', Ijazah Sarjana, Universiti Teknologi Malaysia, Johor baharu, Malaysia.

Che Kamarul Kamel Che Muhammad. (1999). *Satu Kajian Penguasaan Nahu Bahasa Arab Peringkat Menengah Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Arab*. Ijazah Sarjana, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Melayu, Malaysia.

Choong Lean Keow. (2011). *Asas Penyelidikan Tindakan*. Kumpulan Budiman Sdn Bhd., Subang Jaya, Selangor, Malaysia.

Chua Yan Piaw. (2011). *Kaedah Penyelidikan*. Edisi kedua. Mc Graw Hill Malaysia Sdn. Bhd.

Ensiklopedia Global. (2001). Edisi Terhad. Jilid 18. Smartgenie Corporation Sdn. Bhd, Kuala Lumpur. Malaysia.

Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi, Parilah M. Shah, Wan Haslina Wah dan Muhammad Sabri Sahrir. *Penggunaan Bahasa Arab Lisan dan Hubungannya dengan Strategi Pengurusan Sumber*. Gema Online Journal of Language Studies, volume 12(2), May 2012. 131-132.

Gorys Keraf. (1984). *Komposisi*. Cetakan ketujuh, Nusa Indah, Indonesia.

Hussin Haji Noor. (1994). *Isytiqaq Dalam Bahasa Arab*. Ijazah Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Indirawati Haji Zahid & Mardian Shah Omar. (2006). *Fonetik dan Fonologi*. PTS Professional Publishing, Kuala Lumpur.

Ismail Muda. (1999). *Satu Kajian Penguasaan Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Pengkalan Chepa*. Ijazah Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Janudin Sardi. (2009). *Pembelajaran Nahu dalam Bahasa Arab Komunikasi Menggunakan Aplikasi Multimedia Berasaskan Web*. Ijazah Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Judat al-Rikābī. (2005). *Turuqu Tadrīs Al-Lughah Al-Arabiah*. Dār Al-Fikri, Dimasq, Syria.

Kamarul Shukri Mat Teh. (2010). *Perkembangan Awal Nahu Arab*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Kamsiah Haji Abdullah. (2002). *Rangkai Penelitian Bahasa dan Pemikiran*. Majlis Bahasa Melayu Singapura, Singapura.

Kamus Bahasa Melayu Nusantara. (2003). Cetakan pertama. Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, Darussalam.

Kamus Dewan. (2005). Edisi keempat. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Malaysia.

Khairuddin Abdul Hamid. (2006). *Durūṣu al-Ṣarfī*. Cetakan kelima. Madrasah Aljunid Al-Islamiah, Singapura.

Khairuddin al-Ziriklī. (1984). *Al-I'lām*. Cetakan keenam. Dār Al-Il'Imi Lilmalāyīn, Bairut, Lubnan.

Ma'rof Redzuan dan Haslinda Abdullah. (2002). *Psikologi*. McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd, Kuala Lumpur.

Madrasah Alsagoff Al-Arabiah. (1982). *Assirat*. Madrasah Alsagoff Al-Arabiah, Singapura.

Madrasah Alsagoff Al-Arabiah. (2010). *Our Heritage, Our Pride*. Madrasah Alsagoff Al-Arabiah, Singapura.

Mohd Zaki Abd. Rahman. (2001). *Huruf Dalam Bahasa Arab: Nilai Dan Kegunaannya*. Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Mok Soon Sang. (2008). *Psikologi Pendidikan dan Pedagogi Murid dan Alam Belajar*. Terbitan ketiga, Multimedia Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.

Muhammad Alwī Al-īderūs. (1999). *Al-Nahw al-'Arabiyy Al-Jadīd*. Jilid 1-3. Cetakan Pertama. Pustaka Nasional Ptd Ltd. Singapura.

Muhammad Abdul Ghani. (1989). *Ilmu al-Sarf*. Cetakan pertama. Maktabah ar-risūlah al-Hadīсах, Aman, Urdun.

Muhammad Mukrim Manzūr. (2010). *Lisān al-'Arab*. Jilid 15. Dār Sāder. Bairut, Lubenon.

Muhamad Mustafa. (1995). *Masalah Dalam Pembelajaran Nahu Arab*. Ijazah Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Mujma'Al-Lughah Al-Arabiah. (2008). *Al-Mu'jam al-Wasit*. Jilid 2. Kaherah, Mesir.

Mustafa al-Ghalāyainī. (1989). *Jāmi' al-Durūs al-Arabiah*. Jilid 1. Cetakan 22. Al-Maktabah al-Asriyyah, Bairut.

Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*, McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd, Kuala Lumpur.

Nik Farhan Mustapha dan Siti Khadijah Asbullah (2011). Mengapa Kursus Kemahiran Bahasa Arab Menjadi Pilihan Pelajar? Tinjauan di UPM. *Lingua3*. Universiti Putra Malaysia, Serdang. 173-174.

Rim Nusūm al-Khayyāt. (2005). *Al-Ījāz Fī al-Qawā'd Wa al-I'rāb*. Dar al-Maktabiy, Dimasq, Syria.

Rosni Samah. (2012), *Isu Pembelajaran Bahasa Arab*. Persindangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012. Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. 294-295.

Pedoman Transliterasi Perkataan Arab Ke Ejaan Rumi. (2008). Edisi kedua. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Malaysia.

Suhaila Zailani @ Haji Ahmad dan Salamiah Ab. Ghani dan Ummu Hani Hj. Hashim dan Khazri Osman dan Zainuddin Ismail dan Hakim Zainal. (2012). *Modul Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Menerusi Al-Quran*. Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab. Unit Bahasa Arab, UKM, Bangi. 255-256.

Suppiah Nachiappan, Ramlah Jantan dan Abdul Aziz Abdul Shukor. (2008). *Psikologi Pendidikan*. Oxford Fajar Sdn. Bhd. Shah Alam Selangor Darul Ehsan.

Syed Ismail Syed Mustapa dan Ahmad Subki Miskon. (2010). *Kemahiran Belajar*. Terbitan keempat. Multimedia Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.